

60 peratus padam

Bomba berusaha padam kebakaran hutan 16 hektar sejak Rabu lalu

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Kira-kira 60 peratus daripada 16 hektar keluasan kebakaran hutan di Kampung Pekajang, Gelang Patah yang terbakar sejak Rabu lalu berjaya dipadamkan anggota bomba bertugas.

Ketua Zon 1 JBPM Johor, Penguasa Kanan Bomba 1, Mohd Faizul bin Selamat berkata, operasi mengawal kebakaran kini diteruskan dengan usaha pembinaan *fire break* bagi mengekang api daripada merebak.



Anggota bomba berusaha memadamkan api di hutan Kampung Pekajang yang terbakar sejak Rabu.

"Sebanyak 12 jentera termasuk bantuan jentolak daripada Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Jabatan Kerja Raya Negeri Johor dan penduduk tempatan digunakan dalam operasi kali ini.

"Buat masa ini kebakaran sudah berjaya dikawal dan bomba

masih meneruskan pembinaan parit berair bagi mengelakkan api merebak ke kawasan lain," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Faizul berkata, operasi memadam kebakaran juga masih kekal dengan kekuatan 70 anggota daripada 10 Balai Bomba

dan Penyelamat (BBP) Zon 1, Johor.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan kerja-kerja memadam api di kawasan berkenaan sudah dijalankan sejak tiga hari lalu yang pada mulanya hanya melibatkan kira-kira 0.64 hektar kawasan hutan.